Meridian Diversified (M) Sdn Bhd lwn Export-Import Bank of Malaysia Bhd

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — RAYUAN SIVIL NO WA-22NCVC-519–08 TAHUN 2020
ROZANA ALI H
3 MEI 2021

Prosedur Sivil — Pembatalan — Writ dan pernyataan tuntutan — Plaintif memfailkan tindakan ke atas defendan — Defendan memohon di bawah A 18 k 19(1)(a), (b), (c) atau (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 untuk membatalkan writ dan pernyataan tuntutan plaintif — Sama ada writ dan pernyataan tuntutan harus dibatalkan — Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 18 k 19

Ini adalah permohonan defendan di bawah A 18 k 19(1)(a), (b), (c) atau (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 untuk membatalkan writ dan pernyataan tuntutan plaintif. Tuntutan plaintiff terhadap defendan adalah untuk pampasan melebihi RM1 juta dan ganti rugi am yang lain untuk ditaksirkan oleh mahkamah atas kausa tindakan penamatan perjanjian kontrak secara salah. Plaintif adalah sebuah syarikat teknologi maklumat dan sistem solusi yang mempunyai pengalaman dan kepakaran di dalam membangun dan membekalkan perisian Banking Core IT Solutions kepada bank dan istitusi kewangan termasuk membekal dan menyelenggara perkakasan dan perisian sistem yang disesuaikan secara eksklusif. Surat tawaran telah dikeluarkan oleh defendan kepada plaintif untuk perlaksanaan projek Islamic Banking System (IBS) ('projek') dan satu perjanjian telah ditandatangani oleh plaintif dan defendan ('perjanjian'). Plaintif kemudiannya telah menerima satu surat daripada defendan untuk menamatkan perjanjian tersebut. Plaintif telah memaklumkan kepada defendan untuk defendan membayar keseluruhan baki nilai kontrak kepada plaintif berikutan penamatan perjanjian tersebut oleh defendan. Defendan telah menawarkan pembayaran kepada plaintif sebagai pampasan daripada penamatan perjanjian tersebut. Oleh kerana tidak berpuas hati dengan penamatan kontrak perjanjian tersebut dan wang pampasan yang ditawarkan oleh defendan, plaintif telah memfailkan tindakan ini. Permohonan ini difailkan kerana defendan menyatakan writ dan pernyataan tuntutan plaintif hendaklah diketepikan kerana ianya tidak mempunyai asas undang-undang, mengaibkan, remeh, menyusahkan dan/atau merupakan suatu penyalahgunaan proses mahkamah.

Diputuskan, menolak permohonan defendan dengan kos sebanyak RM3,000:

(1) Terdapat beberapa isu berbangkit yang perlu dibicarakan terdahulu sebagaimana yang dibangkitkan oleh plaintif. Tambahan pula terdapat fakta-fakta yang bercanggah mengenai beberapa hal. Selain daripada itu terdapat isu sama ada plaintif dikatakan gagal untuk memitigasikan kerugian dan kerosakan dengan meneruskan kerja di bawah perjanjian tersebut seperti yang dikatakan oleh defendan. Oleh itu plaintif haruslah diberikan peluang untuk membuktikan kesnya. Pembatalan writ dan pernyataan tuntutan plaintif di peringkat ini amatlah tidak sesuai. Dengan yang demikan plaintif mempunyai kausa tindakan yang munasabah dan tuntutan plaintif bukanlah satu tuntutan yang 'obviously sustainable' dan/atau 'plain and obvious' untuk dibatalkan di peringkat ini (lihat perenggan 26–28).

[English summary

This was the defendant's application under O 18 r 19(1)(a), (b), (c) or (d) of the Rules of Court 2012 to strike out the plaintiff's writ and statement of claim. The plaintiff's claim against the defendant was for compensation over RM1m and other general damages to be assessed by the court on the cause of wrongful termination of the contract agreement. The plaintiff was an information technology and systems solutions company with the experience and expertise in developing and supplying Banking Core IT Solutions software to banks and financial institutions including supplying and maintaining exclusively customised system hardware and software. An offer letter was issued by the defendant to the plaintiff for the implementation of the Islamic Banking System (IBS) project ('the project') and an agreement was signed by the plaintiff and defendant ('the agreement'). The plaintiff subsequently received a letter from the defendant to terminate the agreement. The plaintiff had informed the defendant for the defendant to pay the entire balance of the contract value to the plaintiff following the termination of the agreement by the defendant. The defendant had offered payment to the plaintiff as compensation from the termination of the agreement. Dissatisfied with the termination of the contract agreement and the compensation money offered by the defendant, the plaintiff had filed this action. This application was filed because the defendant stated that the plaintiff's writ and statement of claim should be struck out as they had no legal basis, scandalous, frivolous, vexatious and/or was an abuse of court process.

Held, dismissing the defendant's application with costs of RM3,000:

(1) There were a number of issues arising that needed to be addressed first as raised by the plaintiff. Furthermore, there were conflicting facts on a number of matters. Apart from that there was the issue of whether the plaintiff allegedly failed to mitigate the loss and damage by continuing work under the agreement as alleged by the defendant. The plaintiff should therefore be given an opportunity to prove his case. The striking

A out of the plaintiff's writ and statement of claim at this stage was highly inappropriate. As such the plaintiff had reasonable cause of action and the plaintiff's claim was not an 'obviously sustainable' and/or 'plain and obvious' claim to be struck out at this stage (see paras 26–28).]

B **Kes-kes yang dirujuk**

Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v United Malayan Banking Corporation [1993] 3 MLJ 36; [1993] 1 MLRA 611, MA (dirujuk)

Chang Yoke Yee & Anor Kinta Riverfront Hotel & Suites Sdn Bhd [2019] 6 MLJ 373; [2019] 1 LNS 913, MR (dirujuk)

C *Datin Paduka Phang Ooi Choo v Tan Sri Datuk G Gnalingaam & Other Appeals* [2017] MLJU 499, MR (dirujuk)

Duta Arif Sdn Bhd & Ors v Chartered Development Corp & Ors [2008] 6 MLJ 139, MT (dirujuk)

GPQ Sdn Bhd v Constant View Sdn Bhd [2017] 6 MLJ 728, MR (dirujuk)

D *RHB Bank Berhad v Dugwoo (M) Sdn Bhd* [2020] MLJU 719; [2020] 5 CLJ 674, MT (dirujuk)

Seruan Gemilang Makmur Sdn Bhd v Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur & Anor [2016] 3 MLJ 1; [2016] 3 CLJ 1, MP (diikut)

E **Undang-undang yang dirujuk**

Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 18 k 19(1)(a), (1)(b), (1)(c), (1)(d)

Hazman Ahmad (Omar Ismail Hazman & Co) bagi pihak plaintif.
Manshan Singh (Skrine) bagi pihak defendan.

F

Rozana Ali H:

PENDAHULUAN

G **[1]** Ini adalah permohonan defendan di bawah A 18 k 19(1)(a), (1)(b), (1)(c) atau (1)(d) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 (lampiran 7) untuk membatalkan writ dan pernyataan tuntutan plaintif.

[2] Tuntutan plaintif terhadap defendan adalah untuk pampasan melebihi
H RM1 juta dan ganti rugi am yang lain untuk ditaksirkan oleh mahkamah atas kausa tindakan penamatan perjanjian kontrak secara salah.

FAKTA KES

I **[3]** Plaintif adalah sebuah syarikat teknologi maklumat dan sistem solusi yang mempunyai pengalaman dan kepakaran di dalam membangun dan membekalkan perisian *Banking Core IT Solutions* kepada bank dan institusi kewangan termasuk membekal dan menyelenggara perkakasan dan perisian sistem yang disesuaikan secara eksklusif.

[4] Defendan di dalam kes ini telah melaksanakan suatu tender terbuka dan plaintif telah menghantar dokumen rasmi tender kepada defendan pada 1Ogos 2018. Surat Tawaran bertarikh 4 Januari 2019 telah dikeluarkan oleh defendan kepada plaintif untuk perlaksanaan projek Islamic Banking System (IBS) ('projek tersebut') dengan tarikh mula perlaksanaan kerja pada 11 Januari 2019 dan tamat pada 10 Julai 2020 iaitu dalam tempoh 18 bulan secara keseluruhan. Surat tawaran tersebut telah diterima dan ditandatangani oleh plaintif pada 7 Januari 2019.

[5] Plaintif dan defendan telah menandatangani satu perjanjian bertarikh 19 Mac 2019 yang dikenali sebagai 'Supply and Service Level Agreement (for Hardware and Software IT/Computer Products) Customised Solutions Deliverables' ('perjanjian tersebut').

[6] Antara terma-terma dan syarat-syarat utama perjanjian tersebut adalah seperti berikut:

(a) tarikh kuatkuasa kontrak: 19 Mac 2019;

(b) tarikh mula kontrak: 11 Januari 2019;

(c) tempoh tamat kontrak: 10 Julai 2020 (18 bulan); dan

(d) nilai kontrak: RM10,793,000

[7] Plaintif kemudiannya telah menerima satu surat bertarikh 2 Disember 2019 dari defendaan untuk menamatkan perjanjian tersebut. Pada 30 Januari 2020, pihak defendan dan plaintif telah mengadakan pertemuan untuk membincangkan tentang penamatan perjanjian tersebut. Plaintif telah memaklumkan kepada defendan untuk defendan membayar keseluruhan baki nilai kontrak kepada plaintif berikutan penamatan perjanjian tersebut oleh defendan.

[8] Pada 4 Mac 2020, defendan melalui surat peguamcaranya telah menawarkan pembayaran sejumlah RM400,000 kepada pihak plaintif sebagai pampasan dari penamatan perjanjian tersebut. Walau bagaimanapun setakat pemfailan tindakan ini, defendan hanya telah membayar jumlah sebanyak RM2,163,230 kepada plaintif di bawah perjanjian tersebut.

[9] Oleh kerana tidak berpuas hati dengan penamatan kontrak perjanjian tersebut dan wang pampasan yang ditawarkan oleh defendan, plaintif telah memfailkan tindakan di sini pada 25 Ogos 2020.

[10] Plaintif di dalam pernyataan tuntutannya telah menuntut dari defendan bagi perintah-perintah seperti berikut:

(a) satu deklarasi bahawa penamatan perjanjian tersebut oleh defendan adalah salah dan/atau tidak sah;

(b) baki nilai kontrak sebanyak RM8,629,770 dibayar oleh defendan kepada plaintif sebagai pampasan akibat penamatan perjanjian tersebut secara salah dan/atau tidak sah oleh defendan;

(c) selanjutnya dan/atau secara alternatif, gantirugi am untuk kemungkiran kontrak dan/atau penamatan perjanjian tersebut secara salah dan/atau tidak sah oleh defendan untuk ditaksirkan oleh mahkamah;

(d) faedah dari tarikh saman ini dikeluarkan hingga penyelesaian penuh;

(e) kos; dan

(f) relif-relif lain dan/atau selanjutnya yang mahkamah ini fikirkan adil dan sesuai.

HUJAHAN DEFENDAN

[11] Alasan-alasan permohonan di lampiran 7 dinyatakan oleh defendan antara lain seperti berikut:

(a) bahawa writ dan pernyataan tuntutan tidak mededahkan kuasa tindakan yang munasabah, mengabaikan, remeh atau menyusahkan dan merupakan suatu penyalahgunaan proses mahkamah;

(b) penamatan Supply and Service Level Agreement (for Hardware and Software IT I Computer Products) (Customised Solutions Deliverables) bertarikh 19 Mac 2019 oleh defendan adalah sah dari segi undang-undang;

(c) doktrin jangkaan yang sah (*legitimate expectation*) bukanlah kuasa tindakan sah yang terpakai dalam presiding undang-undang persendirian (*private law*); dan

(d) penegasan plaintif dalam perenggan 33 pernyataan tuntutan adalah mengaibkan, remeh atau menyusahkan dan/atau merupakan suatu penyalahgunaan proses mahkamah yang mulia ini kerana surat bertarikh 4 Mac 2020 dibuat tanpa prasangka dan adalah dokumen terlindung (*privileged*).

[12] Defendan di dalam hujahannya menyatakan sesungguhnya writ dan pernyataan tuntutan plaintif harus dibatalkan kerana penamatan perjanjian oleh defendan adalah sah dan dilaksanakan menurut terma nyata yang ditetapkan dalam fasal 16.3 perjanjian tersebut yang menyatakan seperti berikut:

> Notwithstanding any provision to the contrary foregoing provided, either party hereto may terminate this Agreement by giving the other party ninety (90) days'

notice of termination in writing without having to give any reasons such termination to be effective upon expiry of such notice period. Thereafter no party shall have any claims against the other save for any antecedent accrued claims.

[13] Defendan juga turut menyatakan bahawa perjanjian tersebut adalah perjanjian komersial yang telah ditandatangani secara *arm's length* dimana kedua-dua pihak mengetahui terma-terma yang telah ditetapkan dengan nyata dalam perjanjian tersebut.

[14] Defendan selanjutnya berhujah bahawa doktrin jangkaan yang sah (*legitimate expectation*) bukan kausa tindakan yang sah dalam presiding undang-undang persendirian (*private law*) seperti yang dirujuk di dalam kes Mahkamah Rayuan *GPQ Sdn Bhd v Constant View Sdn Bhd* [2017] 6 MLJ 728.

[15] Tingkah laku plaintif yang mendedahkan isi-isi surat yang ditanda tanpa prasangka telah dilakukan dengan niat jahat dan perenggan 33 pernyataan tuntutan plaintif harus dibatalkan dan/atau dipadamkan.

[16] Defendan juga telah bergantung kepada A 18 k 19(1)(a), di mana writ dan pernyataan tuntutan plaintif tidak mededahkan kuasa tindakan yang munasabah. Plaintif di dalam kes ini telah gagal untuk memplidkan butiran yang diperlukan bagi menyokong kausa tindakan penamatan perjanjian kontrak secara salah. Defendan telah bergantung kepada kes *Duta Arif Sdn Bhd & Ors v Chartered Development Corp & Ors* [2008] 6 MLJ 139 di mana hakim Mahkamah Tinggi memutuskan:

In the absence of providing adequate particulars, and in the absence of any explanation as to why these particulars were inadequate, I was constrained in the finding that there were insufficient facts in the pleadings to support the cause of action.

[17] Oleh itu, permohonan lampiran 7 difailkan kerana defendan menyatakan writ dan pernyataan tuntutan plaintif hendaklah diketepikan kerana ianya tidak mempunyai asas undang-undang, mengaibkan, remeh, menyusahkan dan/atau merupakan suatu penyalahgunaan proses mahkamah.

HUJAHAN PLAINTIF

[18] Plaintif mennyatakan tuntutan plaintif adalah sah dan munasabah terhadap defendan seperti yang diperincikan di dalam pernyataan tuntuan plaintif. Plaintif menyatakan terdapat isu-isu yang perlu dibicarakan di dalam perbicaraan penuh untuk memutuskan hak plaintif bagi tuntutan terhadap defendan tersebut. Antara isu-isu berbangkit yang perlu dibicarakan adalah seperti berikut:

(a) sama ada penamatan perjanjian tersebut yang dibuat oleh defendan adalah salah dan tidak sah;

(b) sama ada fasal 16.3 adalah bertentangan dengan prinsip undang-undang dan tidak sah dari segi prinsip undang-undang;

(c) sama ada plaintif mempunyai kepentingan atau jangkaan yang sah (*legitimate expectation*) untuk perjanjian tersebut dilaksanakan untuk tempoh yang telah dipersetujui; dan

(d) sama ada plaintif boleh dikatakan gagal untuk memitigasikan kerugian dan kerosakan dengan meneruskan kerja di bawah perjanjian tersebut seperti yang dikatakan oleh defendan.

[19] Plaintif telah membangunkan sistem perisian dan penyelenggaraan bagi projek tersebut atas permintaan defendan sejak 2019 dan sistem perisian tersebut dibuat khas (*customised*) untuk defendan mengikut keperluan defendan dan tidak boleh digunakan oleh mana-mana institusi lain.

[20] Manakala dalam isu jangkaan yang sah (*legitimate expectation*). Plaintif bersandarkan kes *RHB Bank Berhad v Dugwoo (M) Sdn Bhd* [2020] MLJU 719; [2020] 5 CLJ 674 di mana mahkamah telah menyatakan:

> Whether an expectation exits, is clearly a question of fact. So, if a person did not expect anything, then there is nothing that the doctrine of legitimate expectation can protect.
>
> Bearing the above principles in mind, and in view of my above finding that there was a binding promise between parties, the plaintiff had clearly made a commitment to restructure the overdraft facility notwithstanding the defendants' reply to the plaintiff as evident from the email dated 22 December 2015, thereby enabling the defendants to invoke the doctrine of legitimate expectation.

[21] Plaintif juga menghujahkan bahawa tuntutannya bukanlah satu tuntutan yang mengaibkan, remeh atau menyusahkan, menjejaskan dan/atau menghalang/melengahkan perbicaraan mahkamah dan/atau ianya satu penyalahgunaan proses mahkamah.

[22] Oleh yang demikian isu-isu yang dibangkitkan perlu dibuktikan melalui keterangan saksi-saksi dan bukti dokumentari di perbicaraan penuh. Dalam hal ini plaintif merujuk antara lainnya kes *Datin Paduka Phang Ooi Choo v Tan Sri Datuk G Gnalingaam & Other Appeals* [2017] MLJU 499 di mana Mahkamah Rayuan telah memutuskan:

> It is trite that even if a single triable is raised and shown to be existed, the action should proceed to trial. The action should not be summarily disposed. Also, the mere fact that the case is weak and not likely to succeed at the proper trial is no ground for the pleadings to be struck out ...

[23] Oleh itu, plaintif telah memohon untuk mahkamah ini menolak permohonan defendan di lampiran 7 dengan kos.

ANALISA DAN KEPUTUSAN

[24] Adalah menjadi prinsip bahawa mahkamah tidak akan membatalkan pliding, kecuali dalam kes-kes yang nyata dan jelas di mana tuntutan atau tuntutan balas adalah dengan jelas tidak boleh dipertahankan sebagaimana yang diputuskan dalam kes *Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v United Malayan Banking Corporation* [1993] 3 MLJ 36; [1993] 1 MLRA 611 yang memutuskan:

> The principles upon which the court acts in exercising its power under any of the four limbs of O 18 r 19(1) Rules of the High Court are well settled. It is only in plain and obvious cases that recourse should be had to the summary process under this rule (per Lindley MR in *Hubbuck v Wilkinson* [1899] 1 QB 86, p 91), and this summary procedure can only be adopted when it can be clearly seen that a claim or answer is on the face of it 'obviously unsustainable' (Attorney-General of Duchy of *Lancaster v L & NW Ry Co* [1892] 3 Ch 274 (CA)). It cannot be exercised by a minute examination of the documents and facts of the case, in order to see whether the party has a cause of action or a defence (*Wenlock v Moloney* [1965] 1 WLR 1238; [1965] 2 All ER 871 (CA)). the authorities further show that if there is a point of Jaw which requires serious discussion, an objection should be taken on the pleadings and the point set down for argument under O 33 r 3 (which is in pari materia with our O 33 r 2 Rules of the High Court) (*Hubbuck v Wilkinson*). The court must be satisfied that there is no reasonable cause of action or that the claims are frivolous or vexatious or that the defences raised are not arguable.

[25] Di dalam kes Mahkamah Rayuan *Chang Yoke Yee & Anor v Kinta Riverfront Hotel & Suites Sdn Bhd* [2019] 6 MLJ 373; [2019] 1 LNS 913 (Tab 6, PBOA) mahkamah telah memutuskan seperti berikut:

> The law on striking out under Order 18 rule 19 of ROC 2012 is settled. A pleading should only be struck out if it is shown that it is on the face of it obviously unsustainable. It is only in a plain and obvious case this drastic power will be exercised by the court with the utmost caution.

[26] Dalam kes di hadapan saya, terdapat beberapa isu berbangkit yang perlu dibicarakan terdahulu sebagaimana yang dibangkitkan oleh plaintif. Tambahan pula terdapat fakta-fakta yang bercanggah di mana defendan telah menyatakan bahawa defendan telah memaklumkan dan memberi arahan kepada plaintif pada 26 Julai 2019 untuk menangguhkan pelaksanaan projek. Namun, plaintif telah menafikan hal ini dengan menyatakan tiada arahan penangguhan yang diberikan oleh defendan pada setiap masa material. Kedua-dua belah pihak telah memberikan fakta yang bercanggah mengenai hal ini dan juga mengenai beberapa hal yang lain. Selain dari itu terdapat isu sama ada plaintif dikatakan gagal untuk memitigasikan kerugian dan kerosakan

dengan meneruskan kerja di bawah perjanjian tersebut seperti yang dikatakan oleh defendan.

[27] Oleh itu saya percaya plaintif haruslah diberikan peluang untuk membuktikan kesnya. lsu-isu yang berbangkit hanya boleh diputuskan melalui panggilan saksi-saksi untuk memberi keterangan dan/atau disoal balas di mahkamah. Justeru itu saya percaya pembatalan writ dan pernyataan tuntutan plaintif di peringkat ini amatlah tidak sesuai.

[28] Dengan yang demikian saya memutuskan bahawa plaintif mempunyai kausa tindakan yang munasabah dan saya mendapati tuntutan plaintif bukanlah satu tuntutan yang 'obviously sustainable' dan/atau 'plain and obvious' untuk dibatalkan di peringkat ini. Saya mengambil pendekatan berpandukan kes *Seruan Gemilang Makmur Sdn Bhd v Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur & Anor* [2016] 3 MLJ 1; [2016] 3 CLJ 1 yang memutuskan:

> Ujian 'obviously unsustainable' yang diguna pakai oleh *Bandar Builder* akan memastikan perbicaraan adil dan untuk para litigan mempunyai akses ke mahkamah. Responden-responden harus diberikan peluang di Mahkamah untuk membuktikan kes mereka. Mahkamah tidak patut membatalkan tindakan semata-mata atau atas alasan mudah bahawa ia 'unsustainable'. Darjah 'unsustainability' harus lagi tinggi iaitu harus 'obviously unsustainable' sebelum tindakan boleh dibatalkan serta-merta.
>
> Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan betul dalam memutuskan tindakan responden-responden jelas tidak boleh bertahan dan menolak permohonan pembatalan perayu.

[29] Atas alasan yang dinyatakan di atas, setelah membaca afidavit-afidavit, hujahan bertulis dan hujahan lisan kedua-dua pihak, saya menolak permohonan defendan di lampiran 7 dengan kos sebanyak RM3,000.

Permohonan defendan ditolak dengan kos sebanyak RM3,000.

Dilaporkan oleh Nabilah Syahida Abdullah Salleh